

Simposium Antarabangsa Perayaan 35 Tahun GPMS Kuala Lumpur, 9–10 Ogos 1983

oleh
Sharipah Hanon Bidin*

Simposium Antarabangsa sempena menyambut perayaan 35 tahun tertubuhnya Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) telah menarik minat ramai dan telah berlangsung selama dua hari (9–10 Ogos) bertempat di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Simposium ini telah dirasmikan oleh Y.B. En. Anuar Ibrahim, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Perpustakaan UM telah diwakili oleh tiga orang pegawai perpustakaan: Puan Zainab Awang Ngah, Puan Teoh Paik San dan Puan Sharipah Hanon Bidin.

Sebanyak lapan buah kertaskerja telah dibentangkan untuk perbincangan oleh para pembicara yang dijemput khas dari negara-negara Indonesia, Jepun, Brunei, Singapura dan Malaysia.

Tema Simposium kali ini ialah "Pembinaan Tamaddun Berbahasa Melayu Serantau – Tanggungjawab Generasi Muda". Para pembentang kertaskerja telah diberikan kebebasan membincangkan tema yang luas itu dari sudut yang berbeza-beza berdasarkan "sejarah hidup dan perjuangan sendiri".

Pada keseluruhannya perbincangan simposium ini ingin mencari jalan yang sebaik-baiknya, melalui contoh yang dapat ditauladani oleh generasi muda, cara mereka membina tamaddun berbahasa Melayu serantau dan tanggungjawab mereka terhadap proses pembinaan itu.

Walaupun masalah bahasa telah diselesaikan oleh Perlembagaan negara ini dengan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, namun ia masih lagi menghadapi rintangan-rintangan untuk muncul sebagai satu bahasa yang kuat dan boleh digunakan dalam semua bidang oleh semua rakyat. Dalam perkara ini para pembicara telah menyorot kembali kepada sejarah mendaulatkan Bahasa Melayu; dan perjuangan bahasa di Indonesia dijadikan sebagai contoh yang baik, kerana di sana bahasa tersebut telah terbukti dapat te-

gak dan berkembang luas meliputi berbagai-bagai bidang ilmu. Kerana itu, samada dapat Bahasa Indonesia (yang dari rumpun Bahasa Melayu) bercantum dengan Bahasa Malaysia dan menjadi suatu bahasa serantau yang kuat, masih lagi menjadi persoalan besar memandangkan ini ada kaitannya dengan politik. Jadi dibahu generasi muda yang ramai para inteleknyalah dipertanggungjawabkan untuk mencari jalan bagi mencapai hasrat untuk membina tamaddun berbahasa Melayu itu, sungguhpun ini suatu masalah yang rumit.

Semua kertaskerja yang dibentangkan adalah bertemakan: "Pembinaan Tamaddun Berbahasa Melayu Serantau – Tanggungjawab Generasi Muda" tetapi ditinjau dari berbagai-bagai bidang:

1. Ucapan utama, oleh Haji Roeslan Abdul Ghani (Indonesia)
2. Dari sudut Bahasa dan Negara, oleh Yuji Suzuki (Jepun)
3. Menuju kebudayaan atau Sivilisasi Melayu, oleh Sutan Takdir Alisjahbana (Indonesia)
4. Dari sudut keilmuan, oleh Awang Had Saleh (Malaysia)
5. Dari sudut pandangan mediamassa, oleh Adibah Amin (Malaysia)
6. Dari sudut hubungan negara, oleh Hj. Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abd. Rahim (Brunei)
7. Secara umum, oleh Toeti Heraty Noerhadi (Indonesia)
8. Secara umum, oleh Kamaludin Muhammad (Keris Mas) (Malaysia)

Kertaskerja ini disimpan di Perpustakaan Undang-Undang dan Bahagian Koleksi Kebangsaan.

* Pegawai Perpustakaan, Perpustakaan Undang-Undang